

2. Nyatakan diskaun bagi barang berikut.

a. Harga asal sehelai baju ialah RM49.90. Harga baharu ialah RM45.

b. Harga asal sebungkus nuget ialah RM 12.90. Harga baharu ialah RM9.90

c. Harga asal sebuah telefon bimbit ialah RM1 500. Harga baharu ialah RM1 250.

d. Harga asal sebuah motosikal ialah RM15 999. Harga tawaran ialah RM14 500.

SP 5.1(i) Menyatakan maksud untung dan rugi, diskaun, harga kos, harga jual, bil, invoice, rebat, aset dan liabiliti, faedah dan cukai perkhidmatan.

D. Selesaikan diskaun, bil, rebat dan invoice (5.1(ii))

1. Harga asal sebuah komputer bimbit ialah RM1 999.00. Satu promosi diadakan secara besar-besaran. Harga baharu komputer bimbit itu ialah RM1 750. Berapakah diskaun yang diperolehi oleh pembeli?


2. Harga asal sebuah mesin basuh ialah RM 850. Jika pekedai memberi diskaun sebanyak RM99, berapakah harga baharu mesin basuh tersebut?

3. Rajah 1 merupakan harga sebuah periuk dan satu senduk. Kedai itu menawarkan setiap belian RM100 akan memperolehi rebat RM8. Lina membeli sebuah periuk dan 2 senduk. Berapakah yang perlu dibayar oleh Lina?



RM 99

Rajah 1



RM 12

4. Roslan memperolehi rebat sebanyak RM 10 atas belian barangan di sebuah kedai sebanyak RM103.50. Berapakah yang perlu dibayar oleh Roslan selepas rebat?

S.P 5.1(ii) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan untung dan rugi, diskaun, harga asal, bil, rebat, aset dan liabiliti, faedah dan cukai perkhidmatan.